

08/10/2003

Ukiran kayu papir kemajuan pada zaman Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Arch Collection Sdn Bhd (Arch) menyiapkan ukiran kayu edisi khas bagi menghargai jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkhidmat selama 22 tahun untuk memajukan negara.

Ukiran kayu bersaiz 129 cm lebar dan 71 cm panjang dihasilkan daripada pelbagai kayu yang terdapat di dalam hutan Malaysia. Ia menggambarkan kemajuan yang dicapai oleh negara sepanjang khidmat Dr Mahathir.

Ukiran berkenaan mengambil masa 12 bulan untuk dihasilkan. Ia memaparkan Menara Berkembar Petronas (KLCC), Menara Kuala Lumpur, Pejabat Perdana Menteri, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, satelit Malaysia Measat, Masjid Putrajaya, Litar Formula 1 Sepang, sistem transit aliran ringan dan kereta nasional.

Pengarah Eksekutif Arch, Erick Y T Kho, berkata ukiran itu masih belum diedarkan di pasaran.

Sebanyak 500 keping berjaya dihasilkan dan ia dijual pada harga RM3,800 sekeping.

"Dua lagi ukiran yang sama tetapi dalam saiz berbeza akan diedarkan di pasaran. Paling kecil, 40 cm lebar dan 23 panjang dijual pada harga RM420 manakala satu lagi berukuran 66 cm lebar dan 38 panjang pula dijual RM690.

"Edisi khas ini dihasilkan dalam jumlah yang terhad dan sesiapa yang berminat untuk membelinya boleh menghubungi kami," katanya.

Beliau berkata, enam jenis kayu digunakan yang digabung bersama untuk menghasilkan ukiran berkenaan. Dua pengukir ditugaskan untuk membuat ukiran terbabit iaitu Liew Pui San, 28 dan Mar Hee Boon, 22.

"Ukiran itu dihasilkan 100 peratus dengan bahan-bahan yang terdapat di Malaysia supaya menyerlahkan lagi hasil buatan tangan rakyat negara ini," katanya.

Arch mula beroperasi pada 1989 yang mempelopori penghasilan ukiran dalam pelbagai bentuk, saiz dan corak.

Kebanyakan ukiran yang dihasilkan menggambarkan alam semula jadi, bangunan tradisional dan juga bangunan yang terdapat di luar negara. Ukiran itu kelihatan unik dan mempunyai mesej tersendiri serta mengambil masa yang lama untuk dihasilkan tetapi bergantung kepada coraknya.

Selain membuat dan menjual ukiran kayu, Arch juga turut membina model seni bina untuk pembangunan kawasan seperti Putrajaya, Cyberjaya dan KLCC.